



Dikatakan kepada sahabat al-Quran: 'Bacalah dan naiklah, serta bacalah al-Quran dengan tartil sepertimana kamu membacanya dengan tartil di dunia. Sesungguhnya kedudukanmu adalah pada ayat terakhir yang kamu baca

Daripada 'Abdullah bin 'Amr رضي الله عنهما, beliau berkata, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Dikatakan kepada sahabat al-Quran: 'Bacalah dan naiklah, serta bacalah al-Quran dengan tartil sepertimana kamu membacanya dengan tartil di dunia. Sesungguhnya kedudukanmu adalah pada ayat terakhir yang kamu baca."

[حسن] [رواه أبو داود والترمذي والنسائي في الكبرى وأحمد]

Nabi ﷺ memberitakan bahawa akan dikatakan kepada pembaca al-Quran, yang beramal dengan kandungannya serta sentiasa tekun membacanya dan menghafalnya, apabila dia memasuki syurga: "Bacalah al-Quran, dan naiklah ke darjat-darjat syurga, dan bacalah ia secara tartil sepertimana engkau membacanya di dunia dengan perlahan dan tenang; kerana sesungguhnya kedudukanmu adalah pada ayat terakhir yang engkau baca."

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65054>

